

# Manifestasi pengorbanan hamba kepada penciptanya melalui ibadat korban

UB 8.10.2014 B3



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaitonmohamad@yahoo.com

**HARI** Raya Aidiladha merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa arab iaitu Eid Ul-Adha atau Hari Raya Haji dan merupakan perayaan yang dirayakan oleh umat Islam di seluruh dunia. Ia adalah perayaan terbesar di dalam Islam selain daripada Hari Raya Aidilfitri yang disambut pada setiap 1 Syawal.

Hari Raya Aidiladha telah disambut setiap tahun oleh semua muslim seluruh dunia pada hari ke-10, 11, 12 dan 13 bulan Zulhijjah. Hari Raya Aidiladha ini bermula dengan Takbir Aidiladha pada malam 10 Zulhijjah dan berakhir apabila tenggelamnya

matahari pada 13 Zulhijjah. Solat Sunat Hari Raya Aidiladha merupakan solat sunat muaakkad sebanyak dua rakaat, yang dilakukan pada waktu pagi 10 Zulhijjah. Ia merupakan penghormatan dan kesyukuran kepada umat Islam yang sedang mengerjakan ibadah Haji di Tanah Suci Mekah.

Solat Sunat Aidiladha (Hari Raya Korban) digalakkan diawalkan waktunya bagi memberi lebih banyak masa untuk penyembelihan haiwan korban yang berkaki empat seperti unta, lembu, kambing, kerbau dan haiwan ternakan yang halal dalam Islam. Penyembelihan haiwan korban hanya boleh dilakukan bermula pada 10 Zulhijjah, 11, 12, dan 13 Zulhijjah dan hari-hari

berkenaan dipanggil hari-hari Tasyrik.

Sambutan perayaan hari Raya Aidiladha adalah perayaan yang istimewa kerana ia merupakan hari untuk umat Islam memperingati kisah pengorbanan Nabi Ibrahim a.s. dalam menunaikan perintah Allah dan kesabaran anaknya Nabi Ismail a.s. dalam memenuhi perintah Allah SWT. Kisahnya bermula selepas baginda Nabi Ibrahim bermimpi, dalam mimpinya itu Allah menyuruh Nabi Ibrahim menyembelih anaknya yang bernama Ismail. Selepas dari mendapat mimpi itu, Nabi Ibrahim pun memberitahu isterinya yang bernama Siti Hajar.

Maka berbincanglah Nabi Ibrahim, Siti Hajar dan Ismail. Siti Hajar berkata,

“Mungkin mimpimu itu hanya mainan tidur saja tetapi kalau mimpi itu merupakan wahyu, wajiblah dituruti.” Apabila mendengar kata-kata ibunya, Ismail berkata kepada bapanya, “Ayahku, sekiranya ini merupakan wahyu dari Allah S.W.T., aku sedia merelakan diriku untuk disembelih.”

Setelah persetujuan dicapai, keesokan harinya Nabi Ibrahim pun membawa puteranya Ismail untuk disembelih. Perkara Nabi Ibrahim hendak menyembelih anaknya telah sampai kepada pengetahuan orang ramai. Hal ini membuat orang ramai takut sehingga ada yang mengatakan, “Nampaknya Nabi Ibrahim mungkin sudah gila hinggakan mahu menyembelih anaknya sendiri. Kalau kita biarkan

perkara ini, nanti kitapun akan dibunuhnya.”

Walau apapun tuduhan orang terhadapnya, namun Nabi Ibrahim tetap menjalankan tugas yang diperintahkan oleh Allah S.W.T terhadapnya. Setelah Nabi Ibrahim dan anaknya Ismail sampai pada tempat yang dituju, berkatalah anaknya, “Wahai ayahku, aku fikir cara yang baik untuk menyembelih adalah dengan cara aku disembelih dalam keadaan menelungkup tapi mata ayah hendaklah ditutup. Kemudian ayah hendaklah tahu arah pedang yang tajam dan ayah kenakan tepat kepada leherku.”

Kemudian Nabi Ibrahim pun melaksanakan perintah yang Allah S.W.T perintahkan dalam mimpinya. Baginda pun

mengucapkan kalimah atas nama Allah lalu memancungkan pedangnya pada leher anaknya itu. Maka terperciklah darah mengenai badan Nabi Ibrahim. Sebagai seorang manusia biasa, Nabi Ibrahim pun menggeletar dan membuka penutup matanya.

Tetapi alangkah terperanjatlah apabila melihat yang disembeliknya itu bukanlah anaknya melainkan seekor kibas. Dengan memuji kebesaran Allah S.W.T, kedua-duanya pun berpeluk-peluk sambil bersyukur kepada Tuhan kerana memberi kekuatan sehingga dapat melaksanakan amanat dari Allah S.W.T.

Oleh sebab itu dari segi bahasa, korban bermaksud dekat, manakala dari segi istilah ia bermaksud

menjalankan perintah agama atau taat kepada perintah Allah kerana ingin mendekatkan diri kepadaNya. Dalam hal ini, pengorbanan sebagai seorang Muslim terhadap agama Allah lebih diutamakan berbanding perkara-perkara yang lain. Dalam melakukan pengorbanan ini ia mempunyai pengertian yang luas. Pengorbanan ini bukan sahaja wang ringgit, tetapi jiwa dan raga ke jalan Allah. Sebagai seorang hambaNya penyerahan diri secara total kepada penciptanya adalah wajib dan jika niat pengorbanan kita itu ikhlas dan jujur, Allah pasti akan membalasnya dengan ganjaran yang berlipat kali ganda sama ada sebelum atau selepas kita telah kembali kepadaNya.